

TAHAP INTEGRITI JURUUKUR BAHAN DI MALAYSIA

NOORDIYANA BINTI MOHD YUNUS

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2011

PENGHARGAAN

Bismillahirrohmanirrahim.....

Alhamdulillah syukur ke hadrat-Mu Ya Allah SWT dengan izinNya Projek Sarjana Muda ini dapat disiapkan dengan sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih , saya tujukan kepada penyelia Projek Sarjana Muda Dr. Yahya Bin Mohamad Yatim di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan ini dilaksanakan.

Salam kasih dan sayang buat mak dan abah serta ahli keluarga tercinta kerana banyak memberi galakan dan sokongan tidak kira waktu senang ataupun susah.

Tidak ketinggalan juga, kepada penasihat akademik Encik Syamsul Hendra Bin Mahmud kerana banyak memberi galakan serta sokongan tersirat mahupun tersurat sepanjang tiga tahun ini.

Jutaan terima kasih buat teman-teman seperjuangan 3SBQ dan semua teman-teman di Universiti Teknologi Malaysia diatas segala tunjuk ajar, semangat serta galakan sepanjang tiga tahun kita bersama. Jasa kalian akan tetap diingati sehingga akhir hayat. Buat teman yang teristimewa, terima kasih kerana sudi memahami serta memberi sokongan dan galakan sepanjang pelaksanaan laporan projek ini.

Akhir kata, jasa anda semua hanya Allah s.w.t sahaja yang dapat membalasnya. Yang baik itu datangnya dari Allah s.w.t, yang buruk itu datangnya daripada kelemahan diri saya sendiri.

Sekian. ☺

ABSTRAK

Juruukur Bahan memegang peranan yang penting dalam sesuatu proses pembinaan. Peranannya diiktiraf dan dilindungi oleh Akta Juruukur Bahan 1967. Demi menghasilkan produktiviti kerja yang baik, Juruukur Bahan perlu mengukuhkan integriti serta menerapkan budaya kerja yang beretika dalam perkhidmatannya. Namun begitu, masih ada lagi yang tidak menitikberatkan soal integriti bilamana menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang Juruukur Bahan. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tahap integriti Juruukur Bahan di Malaysia. Kajian yang dilakukan akan mengambilkira integriti dari sudut aspek akauntabiliti, transperansi, budaya kerja, nilai-nilai murni, disiplin bekerja, kecekapan, profesionalisme dan juga kredentialiti. Data kajian ini dikumpul di dalam satu set borang soal selidik yang mana untuk mengenalpasti persepsi majikan terhadap integriti Juruukur Bahan di firma-firma ukur bahan. Data yang terkumpul dianalisis dengan menggunakan kaedah min skor, peratusan dan kekerapan (frekuensi). Hasil kajian mendapati bahawa, secara keseluruhannya Juruukur Bahan mempunyai tahap integriti yang sangat tinggi dalam aspek nilai-nilai murni dan disiplin bekerja. Selain itu, Juruukur Bahan mempunyai tahap integriti yang tinggi dari sudut aspek akauntabiliti, transperansi, budaya kerja, kecekapan, profesionalisme dan juga kredentialiti.

ABSTRACT

Quantity Surveyors play important roles in a construction process. Their roles are recognized and protected by the Quantity Surveyors Act 1967. In order to enhance productivity while working, Quantity Surveyors need to strengthen their integrity and implement an ethical culture within their services. However, when it comes to implementation of integrity as a Quantity Surveyor, it seems to have been abandoned. Hence, this study is conducted to identify the level of integrity among Quantity Surveyors in Malaysia. Few aspects such as accountability, transparency, working culture, moral values, discipline, efficiency, professionalism as well as credentiality were taken into consideration in this study. Data were collected by using questionnaires in order to determine the perceptions of employers towards integrity of Quantity Surveyors in quantity surveying firms. Data collected were analyzed using various methods which are mean scores, percentage and frequency. The finding shows that, Quantity Surveyors have a high level of integrity in terms of moral values and discipline in work. Besides, Quantity Surveyors also have a very high level of integrity in relation to the accountability aspects, transparency, working culture, efficiency, professionalism and credentiality.